

Vandalisme (Part 3)

Azizi bin Haji Yahaya

Sulaiman Alias (1994) pula menyatakan golongan remaja yang melakukan vandalisme merosakkan harta benda tanpa ada sebarang sebab serta tidak memperolehi apa-apa keuntungan dari perbuatannya. Salah laku begini selalunya menunjukkan bangkangan terhadap sesuatu atau luahan kekecewaan pelaku kepada keluarga, masyarakat dan sekolah. Mereka ingin menarik perhatian orang ramai dan memperkenalkan dirinya secara negatif. Selain itu, Lee Lam Thye (1997) pula menyatakan ibubapa yang sentiasa sibuk dengan urusan masing-masing dan bilangan keluarga yang besar menyebabkan ibubapa tidak menumpukan kepada pemasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutamanya golongan remaja.

Beliau juga menyatakan bahawa kebanyakkan remaja yang ingin bebas daripada dikongkong oleh keadaan atau ibubapa, mereka menconteng kadang-kadang disebabkan tekanan dan mungkin juga ingin menunjukkan rasa marah kepada orang tertentu. Remaja yang bersikap terburu-buru, antisosial dan agresif ini kebanyakkan adalah berlatar belakang keluarga yang tidak teratur.

Lam Chong Kee (2004) dalam kajiannya tentang faktor-faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam masalah vandalisme di daerah JB menyatakan bahawa faktor suasana sekolah yang tidak menyenangkan hati menjadi penyebab pelajar melakukan vandalisme di sekolah. Antara punca yang berkaitan dengannya ialah peraturan sekolah terlalu ketat dan pelajar berasa tertekan di sekolah. Selain faktor suasana sekolah, faktor lain seperti sikap pelajar yang suka mencuba sesuatu yang baru dan kebanyakkan mereka tidak dapat mengawal emosi dan ganguan jiwa pula mendorong mereka melakukan vandalisme.